

11 MAR 1997

Mahathir - HICOM

PM MAHU USAHA YAHAYA DITERUSKAN

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta pengurusan dan kakitangan Kumpulan DRB-HICOM meneruskan segala usaha yang dipelopori, dilaksana dan diperjuangkan oleh Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad.

Pengerusi baru DRB-HICOM Datuk Mohd Saleh Sulong berkata Perdana Menteri berpendapat kesinambungan itu perlu bagi memastikan Kumpulan DRB-HICOM, yang menguasai sembilan syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), berjalan dengan baik dan lancar seperti yang dirancang oleh Yahaya.

"Perdana Menteri juga telah menyatakan kerajaan berminat untuk memastikan bahawa segala yang dijalankan oleh Kumpulan DRB-HICOM berjalan dengan baik seperti seharusnya dan kerajaan memberi sokongan yang kuat kepada kumpulan ini bagi memastikan kejayaannya," kata beliau selepas 160 ketua eksekutif dan pegawai kanan Kumpulan DRB-HICOM menemui Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri.

Mohd Saleh dilantik sebagai pengerusi baru kumpulan itu selepas Yahaya terbunuh dalam nahas helikopter di Kuala Lipis, Pahang pada malam 3 Mac lepas. Yang turut terbunuh isteri Yahaya, Puan Sri Rohana Othman dan juruterbang, Mejar (B) Azlizan Abdul Manas.

Pertemuan yang diminta oleh ketua-ketua eksekutif dan pegawai-pegawai kanan DRB-HICOM bagi mendengar sendiri amanat dan jaminan Perdana Menteri mengenai masa depan kumpulan yang mempunyai 37,000 pekerja itu berlangsung selama 45 minit, kata Mohd Saleh.

Mohd Saleh berkata, Perdana Menteri telah memberi jaminan bahawa sokongan berterusan kerajaan kepada kumpulan itu merupakan keputusan Kabinet yang dicapai baru-baru ini memandangkan Kumpulan DRB-HICOM merupakan konglomerat yang besar dan menjalankan pelbagai projek nasional.

Katanya, Dr Mahathir dan anggota Kabinet berpendapat jika sokongan yang padu dan berterusan tidak diberikan kepada kumpulan itu, ia bukan sahaja akan menjejaskan DRB-HICOM tetapi juga banyak kepentingan nasional termasuk kedudukan saham-saham di BSKL.

"Pada keseluruhannya, Perdana Menteri memberi jaminan bahawa sokongan kerajaan akan berterusan dan tidak akan kendur atau berkurangan. Itu merupakan perkara yang penting bagi kami dari segi bagi memastikan kami terus gigih dan bersemangat untuk menjalankan tugas.

"Bukannya kalau tidak ada amanat sedemikian kita akan putus asa dan kurang semangat tetapi ini telah memberangsangkan kami lagi," katanya.

Berdasarkan amanat Perdana Menteri itu, beliau berkata, tidak akan berlaku perubahan dalam hirarki dan struktur Kumpulan DRB-HICOM, malah ia akan beroperasi seperti seolah-olah Yahaya masih ada. -- BERNAMA

AH FAZ